

sains

KERATAN AKHBAR
12 & 13 OKTOBER 2023

NEW STRAITS TIMES

Utusan
Penyubar fikiran rakyat
MALAYSIA

Sinar
suara rakyat dan komuniti anda
harian

astro
AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE
MARKETS
MAKE BETTER DECISIONS

THE Sun

FMT
news
FREE AND INDEPENDENT

Star
The people's paper

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini
terkini untuk anda

BERNAMA

RANIA

星洲日報
SIN CHEW DAILY

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

中國報
CHINA PRESS

malaymail

Lebih 20,000 akaun pengguna SADA di Kulim terjejas

12 OKTOBER 2023
KHAMIS



Tangki statik ditempatkan di lokasi terjejas di Kulim sebagai kelangsungan bekalan air terawal kepada pengguna. - Foto ihsan SADA

SUNGAI PETANI - Lebih 20,000 akaun pengguna di daerah Kulim mengalami gangguan bekalan air disebabkan Loji Rawatan Air (LRA) terpaksa dihenti tugas serta-merta berikutan kadar kekeruhan air mentah di sungai yang tinggi.

SAMBUNGAN

Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) dalam satu kenyataan memaklumkan, lebih 50 kawasan perumahan dan kampung terjejas termasuk institusi pengajian.

Menurut kenyataan itu, LRA Sungai Ular yang berkapasiti 27.27 juta liter sehari (MLD) terpaksa dihenti tugas apabila pemantauan kadar kekeruhan air mentah yang dilakukan setiap dua jam oleh SADA menunjukkan trend meningkat bermula Selasa sehingga mencecah paras 13,000 nephelometric turbidity unit (NTU) berbanding 1,000 NTU (paras maksimum air mentah boleh dirawat).

"Rentetan itu, lebih daripada 50 buah kawasan di daerah Kulim mengalami gangguan bekalan antaranya di Kolej Vokasional, Kolej Mara, Taman Kempas Indah, Pekan Kulim, Kulim Avenue, Kem Pasukan Gerakan Am dan lain-lain," katanya.

Bekalan air di Petaling, Kuala Lumpur, Hulu Langat pulih

13 OKTOBER 2023
JUMAAT



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Bekalan air di semua kawasan terjejas di Petaling, Kuala Lumpur dan Hulu Langat kembali pulih sepenuhnya pagi ini.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), berkata kerja penambahbaikan, penyenggaraan dan penggantian aset di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Langat pada Selasa lalu, pulih pada jam 6 pagi tadi.

SAMBUNGAN

"Air Selangor ingin mengucapkan terima kasih kepada pengguna di atas kesabaran dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh gangguan bekalan air berjadual ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, pengguna juga boleh mendapatkan maklumat berhubung gangguan bekalan air berjadual dari semasa ke semasa menerusi saluran komunikasi rasmi seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan X atau hubungi Air Selangor di talian 15300 atau layari <https://www.airselangor.com/>.

Sejak Selasa lalu, Air Selangor memaklumkan kerja-kerja penambahbaikan, penyenggaraan dan penggantian aset di Loji Rawatan Air Sungai Langat serta henti tugas sementara Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2), Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) dan Rantau Panjang berikutan insiden pencemaran bau di Sungai Selangor.

Bantuan alternatif juga digerakkan melalui lori tangki kepada pengguna dengan keutamaan diberikan kepada premis-premis kritikal.